

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1997/98**

Februari 1998

BZT 203/3 & BZT 394/3 Kelakuan Haiwan

Masa : [3 jam]

Jawab mana-mana **LIMA** soalan. Jika calon menjawab lebih daripada lima soalan hanya lima soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

(BZT 203/3 & BZT 394/3)

1. Tuliskan nota pendek mengenai 2 tajuk dari yang berikut:
 - a) etogram
 - b) peneraan
 - c) hirarki dominan

(20 markah)
2. Merujuk kepada 4 contoh tertentu, bincangkan bagaimana pembelajaran boleh mempengaruhi perkembangan kelakuan haiwan.

(20 markah)
3. Bincangkan bagaimana hormon boleh mempengaruhi kelakuan haiwan.

(20 markah)
4. Haiwan vertebrata menunjukkan pelbagai jenis kelakuan pembiakan hanya untuk membolehkan gennya diwarisi. Bincangkan.

(20 markah)
5. Huraikan 3 jenis organisasi sosial haiwan dan bincangkan bagaimana kestabilannya dicapai.

(20 markah)
6. Dua spesies gapi simpatrik boleh dijumpai di satu anak sungai bernama Sungai Ikan. Dari kajian taksonomi, kedua spesies ini diketahui berbeza walaupun ikan jantan untuk kedua spesies ini sentiasa aktif mengejar ikan betina yang ovoviviparus. Anda diminta menjalankan kajian etologi untuk menentukan sama ada respons ikan betina terhadap kelakuan senggama ikan jantan untuk kedua spesies adalah serupa. Nyatakan hipotesis kajian dan huraikan kaedah saintifik yang akan digunakan oleh anda di dalam kajian ini.

(20 markah)